Selepas bersarapan, ayah akan menghantar aku ke sekolah. Sepanjang perjalanan ke sekolah, ayah sering bercerita tentang kisah hidupnya semasa seusia denganku. Banyak pengajaran yang aku peroleh. Sesungguhnya, ayah sangat istimewa bagiku. Selain itu, ayah juga sering berpesan kepadaku agar mendengar kata-kata guru. Kata ayah, apa-apa yang disuruh oleh guru, mesti dipatuhi. Ayah pasti memeluk dan menciumku sebelum aku masuk ke kawasan sekolah. Kadang-kadang, aku berasa malu apabila dilihat oleh kawan-kawanku. Mereka pasti mengusik aku dengan panggilan anak manja.

Kini, tinggallah aku berdua dengan ibu. Ibu sangat menyayangiku. Aku juga menyayangi ibu. Namun begitu, ayah tetap ayah, tidak sama kasihnya seperti kasih ibu. Tiada sesiapa yang dapat menggantikan tempat ayah. Walaupun ayah sudah tiada, namun kenangan bersamanya tidak akan terpadam buat selama-lamanya. Ayah, doa adik tidak akan putus buat ayah di sana.

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

 eP+ Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 1

*Tandatangan Guru:* ______________________ *Tarikh:* ______________



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: ____________

UNIT 2

Tema 1: Kekeluargaan

# Ke Sana ke Sini

MODUL PBD

Buku Teks: 8

SP 2.1.1 Membaca, memahami, dan mentafsir bahan sastera dan bahan bukan sastera.

## Kemahiran Membaca

**Baca petikan e-mel di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

| | | |
|---|---|---|
| Daripada | : | asrul@ymail.com |
| Kepada | : | azim@ymail.com |
| Perkara | : | Hari Perkhemahan Unit Beruniform |

Ke hadapan sahabatku, Azim yang kini berada di Kuala Lumpur. Semoga sihat sejahtera hendaknya.

Tujuan saya mengirim e-mel ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya semasa menyertai Hari Perkhemahan Unit Beruniform di tapak perkhemahan Bukit Cherok Tokun, Bukit Mertajam. Saya dan rakan-rakan bermalam di dalam khemah selama dua malam. Pengalaman bermalam di dalam khemah berhampiran dengan air terjun amat berharga sekali kerana saya belum pernah merasainya.

Saya juga buat pertama kalinya mengikuti latihan kecergasan ala komando. Latihan inilah yang banyak memberikan kenangan pahit, manis, serta melucukan. Ada antara kami yang menangis kerana tidak tahan dengan latihan tersebut, tetapi akhirnya semua dugaan dapat kami hadapi dengan penuh ketabahan. Perkhemahan selama dua hari ini bertujuan untuk menambahkan kekuatan mental dan fizikal setiap murid. Sekiranya aktiviti seperti ini diadakan lagi, sudah pasti saya akan menyertainya.

Setakat ini sahaja yang dapat saya tulis. Semoga kita bertukar pengalaman ini melalui kiriman e-mel yang akan datang.

1. Apakah tujuan Asrul mengirim e-mel tersebut kepada Azim?

   Asrul mengirim e-mel tersebut kepada Azim untuk menceritakan pengalamannya menyertai Hari Perkhemahan Unit Beruniform di Bukit Cherok Tokun, Bukit Mertajam.

2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Asrul semasa menyertai perkhemahan tersebut?

   Antara cabaran yang dihadapi oleh Asrul ialah dia perlu mengikuti latihan kecergasan ala komando. Latihan itu memberikannya pengalaman pahit, manis, serta melucukan.

3. Pada pendapat anda, apakah kebaikan murid-murid menyertai aktiviti tersebut? KBAT Menilai

   Pada pendapat saya, penyertaan murid-murid dalam aktiviti tersebut membolehkan mereka mengisi masa lapang. Selain itu, mereka terhindar daripada terlibat dalam gejala negatif. Akhir sekali, mereka juga dapat menguatkan mental dan fizikal melalui aktiviti yang dilakukan.

TAHAP PENGUASAAN (✓) 1 2 3 4 5 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD** Buku Teks: 9

**SP 3.2.1** Membina dan menulis perenggan untuk menyatakan pendapat yang kritis dan kreatif daripada sesuatu bahan multimedia.

## Kemahiran Menulis

**Berdasarkan peta i-THINK di bawah ini, tulis perenggan dengan menyatakan pendapat yang kritis dan kreatif.**

*i-THINK* Peta Dakap

- Aktiviti Bersama-sama Keluarga
  - Aktiviti riadah
    - mengeratkan hubungan silaturahim
    - mengelakkan gejala negatif
    - menyihatkan badan
  - Aktiviti kerohanian
    - meningkatkan kemahiran diri
    - memupuk nilai murni
    - menjauhi perkara negatif

Banyak aktiviti yang boleh kita lakukan bersama-sama keluarga pada masa lapang. Antaranya termasuklah melakukan riadah. Aktiviti riadah yang dilakukan dapat mengeratkan silaturahim antara ahli keluarga. Aktiviti ini juga dapat menghindarkan diri kita daripada terlibat dalam gejala negatif. Selain itu, aktiviti riadah juga dapat menyihatkan badan kita.

Sesebuah keluarga juga boleh melakukan aktiviti kerohanian bersama-sama pada masa lapang. Aktiviti yang dilakukan ini dapat meningkatkan kemahiran diri, misalnya kemahiran membaca al-Quran, solat, dan sebagainya. Aktiviti ini juga dapat memupuk nilai murni dalam diri setiap ahli keluarga. Seterusnya, penglibatan dalam aktiviti kerohanian juga membolehkan kita menjauhi perkara yang negatif.

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

Peta i-THINK



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD** Buku Teks: 10

**SP 4.2.1** Melafazkan dan melagukan seloka dengan nada yang sesuai serta menyatakan pengajaran.

## Aspek Seni Bahasa

**Lafazkan seloka di bawah ini dengan nada yang sesuai. Kemudian, nyatakan pengajaran bagi setiap rangkap seloka tersebut.** KBAT Menganalisis

### Seloka Cuti Sekolah

| Rangkap | Pengajaran |
|---|---|
| Cuti sekolah yang ditunggu tiba<br>Rancang percutian bersama keluarga<br>Tekanan dapat diredakan seketika<br>Jangan sampai pelajaran dilupa. | Kita janganlah melupakan pelajaran semasa menikmati cuti persekolahan. |
| Hendak bercuti bersama keluarga<br>Pergi bercuti dalam negara<br>Usahlah hanya ke luar negara<br>Negara kita tak kurang indahnya. | Kita janganlah memandang rendah keindahan tempat pelancongan di negara kita. |
| Ketika bergembira semasa bercuti<br>Hendaklah menjaga keselamatan diri<br>Kerana hidup cuma sekali<br>Sikap cuai patut dihindari. | Kita janganlah bersikap cuai dengan mengabaikan keselamatan diri semasa bercuti. |
| Cuti sekolah hampir ke puncak<br>Kerja sekolah masih tak nampak<br>Pakaian sekolah di mana dicampak<br>Dimarah emak menangis teresak. | Kita janganlah melakukan sesuatu pekerjaan pada saat-saat akhir untuk mengelakkan sebarang masalah. |
| Hendak ke sekolah kerana bersemangat<br>Sabar menunggu tiada penat<br>Menimba ilmu dengan keringat<br>Kejayaan cemerlang hendak diikat. | Kita hendaklah bersemangat untuk menimba ilmu bagi memperoleh kejayaan yang cemerlang. |

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD** Buku Teks: 11

**SP 5.1.1** Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks; (ii) kata nama khas.

## Aspek Tatabahasa

ePP+ **Bonus PdPc** **Nota** Kata Nama

**Lengkapkan petikan di bawah ini dengan kata nama khas yang sesuai.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hotel Seri Malaysia | Farhana Ayuni | Muzium Kota Kuala Kedah | |
| Gunung Bintang | Pekan Rabu | Jelapang Padi | Pak Ngah Bahrin |

Hati Anwar berbunga-bunga apabila mendengar berita rentas negeri telah dibenarkan. Terngiang-ngiang lagi kata-kata ayahnya yang bercadang untuk melancong ke utara tanah air. Malam nanti akan kutanyakan hal tersebut, bisik hati Anwar.

Negeri Jelapang Padi telah terbayang dalam angan Anwar. Tempat-tempat menarik di sana telah lama tersimpan menerusi cerita ___Farhana Ayuni___ melalui e-mel yang sering dikirim. Telah setahun sahabatnya berpindah ke negeri ___Jelapang Padi___ itu kerana ayahnya dinaikkan pangkat.

Ayuni pernah menceritakan pengalamannya mendaki ___Gunung Bintang___ untuk menikmati keindahan flora dan fauna. Jika hendak melihat ruang pameran tentang Sejarah Fungsi Kota Kuala Kedah, Zaman British, Zaman Jepun, dan Zaman Selepas Merdeka bolehlah ke ___Muzium Kota Kuala Kedah___. ___Pekan Rabu___ pula tempat pengunjung membeli kraf tangan untuk dijadikan kenangan. Pelbagai makanan tradisional juga turut dijual di sini.

Apabila berada di negeri Kedah nanti, Anwar dan keluarga akan menginap di sebuah hotel yang terkenal, iaitu ___Hotel Seri Malaysia___. Mereka juga akan mengunjungi rumah ___Pak Ngah Bahrin___, sepupu ayahnya yang sering bertanyakan khabar walaupun jarang bersua.

**Kata nama khas** digunakan untuk merujuk manusia, haiwan, tempat, dan benda secara khusus.

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

ePP+ **Praktis Ekstra** **Tema 1**

*Tandatangan Guru:* ______________________ *Tarikh:* ______________



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Skor
/50

I jam I5 minit

BAHAGIAN A

[I0 *markah*]

**Soalan I dan 2**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* **paling sesuai**.

I. Para peminat ______________ ke Stadium Shah Alam untuk menyaksikan perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia.
   A bertalu-talu
   B berpeluh-peluh
   C berbolong-bolong
   (D) berbondong-bondong

**Soalan 2** *berdasarkan gambar di bawah ini.*



2. Cristina Lee hendak ______________ sepucuk surat kepada sahabat penanya yang tinggal di Kota Kinabalu, Sabah.
   A berkirim
   B pengirim
   (C) mengirim
   D pengiriman

**Soalan 3**

*Pilih ayat yang* **betul**.

3. A Masalah ponteng sekolah di kalangan murid membimbangkan ibu bapa.
   B Seri Rampai Restoran menyediakan pelbagai jenis masakan ala Pantai Timur.
   (C) Pak Cik Murugan bekerja di Estet Mini Ulu Yam sudah hampir tiga puluh tahun.
   D Encik Mayhuddin singgah di kedai runcit itu untuk membeli segulung kayu arang.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN B

[10 *markah*]

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Syahmi dan adik-adiknya amat menyayangi ibu mereka, Puan Hajah Zuraini. Mereka hendak meraikan hari lahir ibu kesayangan mereka pada minggu hadapan. Syahmi dan adik-adiknya mengeluarkan wang tabung untuk membeli hadiah hari lahir ibu mereka.

Mereka berjaya membeli seutas jam tangan yang amat cantik. Mereka menghulurkan hadiah tersebut sambil memeluk ibu kesayangan mereka. Bergenang air mata ibu mereka menahan sebak dan rasa yang sangat gembira. Puan Hajah Zuraini mengucapkan terima kasih atas pemberian hadiah yang sungguh bermakna buatnya.

**1.** (a) Syahmi dan adik-adiknya hendak meraikan hari lahir ibunya pada minggu hadapan.

[1 *markah*]

(b) Apakah hadiah yang diberikan oleh Syahmi dan adik-adiknya kepada ibu mereka?

Hadiah yang diberikan oleh Syahmi dan adik-adiknya kepada ibu mereka ialah seutas jam tangan yang sangat cantik.

[2 *markah*]

(c) *Gariskan* **satu kata kerja** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Mereka menghulurkan hadiah tersebut sambil memeluk ibu kesayangan.

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Bergenang air mata ibu mereka menahan sebak dan rasa gembira.

| | |
|---|---|
| Ibu mereka menahan sebak dan rasa gembira dengan genangan air mata. | ✓ |
| Dengan genangan sebak dan rasa gembira ibu mereka menahan air mata. | |

[1 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** *Baca dan fahami situasi gambar di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Kamu mengikuti ceramah tentang keselamatan jalan raya beberapa hari yang lalu. Rakan kamu ingin tahu tentang perkara yang perlu dititikberatkan sebelum melintas jalan.

Sebagai rakan, apakah yang perlu kamu lakukan?

Saya akan menerangkan perkara yang penting ketika melintas jalan, iaitu berhati-hati sebelum melintas jalan supaya kita selamat dan tidak dilanggar oleh kenderaan yang lalu-lalang. Selain itu, saya akan memberitahunya supaya mematuhi arahan lampu isyarat, iaitu menunggu lampu isyarat pejalan kaki berwarna hijau sebelum melintas jalan raya.

## BAHAGIAN C

[10 *markah*]

*Grafik di bawah ini menunjukkan sungai yang terancam oleh pencemaran.*

*Tuliskan pendapat kamu tentang* **cara-cara mengelakkan pencemaran sungai**.

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan**.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak melebihi daripada 50 patah perkataan**.






© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada pendapat saya, terdapat pelbagai cara bagi mengelakkan pencemaran sungai. Antaranya ialah murid-murid perlu dididik agar dapat menjaga kebersihan sungai. Sungai juga tidak sepatutnya dijadikan tempat pembuangan sampah sarap. Selain itu, pihak kerajaan pula sepatutnya menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat lagi. Contohnya, kerajaan mengenakan denda maksimum kepada mereka yang membuang sampah sarap ke dalam sungai. Seterusnya, sikap cinta akan alam sekitar dengan menjadikan kawasan tepi sungai sebagai taman rekreasi sangat digalakkan. Dengan cara ini, sungai dan kawasan sekitarnya akan lebih terpelihara.

BAHAGIAN D

[10 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

*Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

**HIDUP SEPAKAT MEMBAWA BERKAT**





# PRAKTIS UASA

## Bahagian A

**Tatabahasa**
Praktis 1 – Praktis 4

**Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)**
Praktis 1 – Praktis 4

## Bahagian B

**Tatabahasa dan Pemahaman Petikan**
Praktis 1 – Praktis 4

**Respons Kritis dan Kreatif**
Praktis 1 – Praktis 4

## Bahagian C

**Penulisan Perenggan**
Praktis 1 – Praktis 4

## Bahagian D

**Penulisan Karangan**
Praktis 1 – Praktis 4

# BAHAGIAN A

## Tatabahasa

**Revisi Modul**

**Sebelum Menjawab Soalan Tatabahasa**

1. Baca setiap soalan dengan telitinya.
2. Untuk soalan bergambar, kenal pasti perkaitan antara soalan dengan gambar yang disertakan.

**Semasa Menjawab Soalan Tatabahasa**

1. Elakkan daripada mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab soalan.
2. Teliti jawapan pilihan yang lain juga supaya dapat membuat pilihan yang paling tepat.

**Selepas Menjawab Soalan Tatabahasa**

1. Semak jawapan sekali lagi.
2. Pastikan semua soalan telah dijawab.



**Praktis 1** **Kata Nama Am, Kata Nama Khas, Kata Ganti Nama, Penjodoh Bilangan, Kata Kerja Transitif, Kata Kerja Tak Transitif, dan Kata Adjektif**

Tema 1: Kekeluargaan & Tema 2: Kesihatan dan Kebersihan

Buku Teks: m.s. 6, 11, 12, 18, 30, 36, 41, 42

**Soalan 1 – 6**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* **paling sesuai**.

1. Abang Amirul yang sesak nafas dibawa ke ________ oleh ayah untuk mendapatkan rawatan.

   A sekolah  
   B pejabat  
   C hospital  
   D balai polis

2. ________ ialah pegawai perubatan yang bertugas di Jabatan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau.

   A Cikgu Aisyah  
   B Doktor Azhar  
   C Sarjan Razman  
   D Inspektor Hazim

3. "________ perlulah memastikan kebersihan kelas pada setiap masa supaya selesa untuk belajar," kata Azim kepada rakan-rakannya.

   A Kita  
   B Saya  
   C Kami  
   D Mereka

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Skor
/50

I jam I5 minit

BAHAGIAN A

[I0 *markah*]

**Soalan I dan 2**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* **paling sesuai**.

**I.** Perusahaan _______________ songket amat terkenal di Terengganu dan di Kelantan.
- A menekat
- (B) menenun
- C menyulam
- D menganyam

**Soalan 2** *berdasarkan gambar di bawah ini.*



**2.** Pak Din menggunakan se_______________ jala untuk menangkap ikan dan udang galah di sekitar Sungai Bidor.
- A helai
- (B) rawan
- C keping
- D pasang

**Soalan 3**

*Pilih ayat yang* **betul**.

**3.**
- A Ibu mereneh ubi kayu yang baru dibelinya di pasar tani pagi tadi.
- B Nurul sudah pandai menjerang nasi semenjak berumur tujuh tahun.
- (C) Puan Hanna menghidangkan pisang goreng untuk tetamunya petang itu.
- D Kakak sedang menggoreng beberapa tongkol jagung susu untuk adik-adiknya.

## BAHAGIAN B

[10 *markah*]

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Sepasang suami isteri memelihara berpuluh-puluh ekor itik serati untuk mendapatkan telur itik tersebut. Itik serati juga dikenali sebagai itik nila. Itik serati ini mudah bertelur dan dapat bertelur dengan banyak. Penternak menjual telur-telur itu kepada pelanggannya. Pada suatu hari, penternak mendapati ada sebiji telur emas yang berkilauan di dalam reban itiknya. Pada setiap hari, hanya seekor itik yang mengeluarkan sebiji telur emas.

Pasangan suami isteri atau penternak itu tidak berpuas hati kerana hanya seekor itik yang mengeluarkan telur emas. Mereka menjadi tamak sehingga memaksa itik itu bertelur sebanyak mungkin setiap hari. Pada suatu hari, si isteri terlupa untuk menutup pintu reban selepas mengutip telur itik. Kesemua itik terlepas tanpa tinggal seekor pun. Suami isteri itu terpaksa menanggung kerugian atas kecuaian mereka.

1. (a) Berpuluh-puluh ekor itik serati telah diternak oleh pasangan suami isteri.

[1 *markah*]

(b) Mengapakah penternak itik itu tidak berpuas hati dengan itik-itiknya?

Penternak itik itu tidak berpuas hati dengan itik-itiknya kerana hanya seekor itik yang mengeluarkan telur emas setiap hari.

[2 *markah*]

(c) *Gariskan* **satu kata kerja** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

| |
|---|
| Penternak menjual telur-telur itu kepada pelanggannya. |

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Suami isteri itu terpaksa menanggung kerugian atas kecuaian mereka.

| | |
|---|---|
| Atas kecuaian suami isteri itu, mereka terpaksa menanggung kerugian. | ✓ |
| Isteri menanggung kerugian atas kecuaian suaminya. | |

[1 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. *Baca dan fahami situasi gambar di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu dibawa oleh ibu dan ayah ke Dataran Merdeka, Kuala Lumpur untuk meraikan sambutan Hari Kemerdekaan. Kamu melihat banyak orang yang teruja semasa menyaksikan perarakan kontinjen beruniform bersempena dengan sambutan tersebut. Semua orang kelihatan bersemangat dan gembira meraikan hari tersebut.

Pada pendapat kamu, mengapakah kita mesti menyayangi negara kita?

Pada pendapat saya, kita mesti menyayangi negara kita supaya dapat memupuk semangat perpaduan dan keharmonian sesama kita. Seterusnya, kita juga dapat menjadikan negara kita aman dan sejahtera. Selain itu, tradisi dan budaya pelbagai kaum dapat dikekalkan.

## BAHAGIAN C

[10 *markah*]

*Grafik di bawah ini menunjukkan aktiviti di pusat sumber sekolah.*

*Tuliskan pendapat kamu tentang* **aktiviti di pusat sumber sekolah**.

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan**.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak melebihi daripada 50 patah perkataan**.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada pendapat saya, pusat sumber sekolah ialah tempat yang paling sesuai untuk mengulang kaji pelajaran bersama-sama rakan. Misalnya, kita boleh membuat rujukan berita terkini melalui surat khabar. Selain itu, kita juga boleh meminjam buku rujukan di kaunter yang disediakan. Seterusnya, kita boleh mendapatkan buku atau bahan rujukan dengan mudah kerana buku-buku itu disusun dengan kemas pada rak-rak yang telah dilabelkan. Akhir sekali, pengawas pusat sumber akan membantu murid-murid yang hendak meminjam buku atau bahan bacaan.

## BAHAGIAN D

[10 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

*Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

### SUASANA MAJLIS KENDURI KAHWIN





© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# JAWAPAN

## UNIT 1 Saling Menyayangi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur
akan mengadakan lawatan ke Rumah Orang-orang Tua Melur pada minggu hadapan.; mengeratkan hubungan murid-murid dengan warga rumah orang-orang tua tersebut. Murid-murid juga berpeluang untuk melakukan aktiviti seperti memasak dan membersihkan persekitaran rumah orang-orang tua tersebut.

Kemahiran Menulis

*Pergi ke kebun menjolok kelapa,*
*Jatuh pula di atas para;*
*Sayangi ibu, cintai bapa,*
*Pasti hidupmu aman sejahtera.*

*Daun pegaga di tepi telaga,*
*Sering dipetik oleh Alin;*
*Bantu-membantu sesama keluarga,*
*Hubungan baik ukhuwah terjalin.*

*Masak gulai umbut kelapa,*
*Untuk santapan si tuan puteri;*
*Ingatlah pesanan ibu bapa,*
*Supaya senang kemudian hari.*

*Pucuk pegaga di dalam raga,*
*Dididih pula di dalam kendi;*
*Kasih ibu membawa ke syurga,*
*Kasihnya keluarga kekal abadi.*

Aspek Seni Bahasa
Jawapan murid

## UNIT 2 Ke Sana ke Sini

Kemahiran Membaca
1. Asrul mengirim e-mel tersebut kepada Azim untuk menceritakan pengalamannya menyertai Hari Perkhemahan Unit Beruniform di Bukit Cherok Tokun, Bukit Mertajam.
2. Antara cabaran yang dihadapi oleh Asrul ialah dia perlu mengikuti latihan kecergasan ala komando. Latihan itu memberikannya pengalaman pahit, manis, serta melucukan.
3. Pada pendapat saya, penyertaan murid-murid dalam aktiviti tersebut membolehkan mereka mengisi masa lapang. Selain itu, mereka terhindar daripada terlibat dalam gejala negatif. Akhir sekali, mereka juga dapat menguatkan mental dan fizikal melalui aktiviti yang dilakukan.

Kemahiran Menulis
Banyak aktiviti yang boleh kita lakukan bersama-sama keluarga pada masa lapang. Antaranya termasuklah melakukan riadah. Aktiviti riadah yang dilakukan dapat mengeratkan silaturahim antara ahli keluarga. Aktiviti ini juga dapat menghindarkan diri kita daripada terlibat dalam gejala negatif. Selain itu, aktiviti riadah juga dapat menyihatkan badan kita.

Sesebuah keluarga juga boleh melakukan aktiviti kerohanian bersama-sama pada masa lapang. Aktiviti yang dilakukan ini dapat meningkatkan kemahiran diri, misalnya kemahiran membaca al-Quran, solat, dan sebagainya. Aktiviti ini juga dapat memupuk nilai murni dalam diri setiap ahli keluarga. Seterusnya, penglibatan dalam aktiviti kerohanian juga membolehkan kita menjauhi perkara yang negatif.

Aspek Seni Bahasa
Rangkap 1 – Kita janganlah melupakan pelajaran semasa menikmati cuti persekolahan.
Rangkap 2 – Kita janganlah memandang rendah keindahan tempat pelancongan di negara kita.
Rangkap 3 – Kita janganlah bersikap cuai dengan mengabaikan keselamatan diri semasa bercuti.
Rangkap 4 – Kita janganlah melakukan sesuatu pekerjaan pada saat-saat akhir untuk mengelakkan sebarang masalah.
Rangkap 5 – Kita hendaklah bersemangat untuk menimba ilmu bagi memperoleh kejayaan yang cemerlang.

Aspek Tatabahasa
Farhana Ayuni; Jelapang Padi; Gunung Bintang; Muzium Kota Kuala Kedah; Pekan Rabu; Hotel Seri Malaysia; Pak Ngah Bahrin

## UNIT 3 Cerita Pertemuan

Kemahiran Membaca
Percutian di kampung sangat menyeronokkan. Kita dapat menikmati suasana yang damai serta menghirup udara yang segar. Kita juga dapat bertemu dengan insan yang jarang kita jumpa seperti datuk dan nenek. Kita juga dapat mengetahui aktiviti ekonomi penduduk kampung seperti bersawah, menoreh getah, dan sebagainya. Pada masa yang sama, kita dapat menikmati keindahan sawah padi yang menghijau. Alam semula jadi yang terdapat di kampung juga mampu memukau mata yang memandang. Sebagai contohnya, di kampung nenek Hanis dan Afina terdapat air terjun yang jernih dan menyegarkan. Kawasan ini sesuai dijadikan tempat perkelahan. Afina pastinya ingin pulang ke kampung neneknya untuk menikmati keindahan kampung tersebut selepas melihat gambar-gambar dalam laman Instagram sepupunya. Afina juga pastinya ingin melepaskan kerinduannya terhadap neneknya yang tinggal di kampung.

Kemahiran Menulis
1. Selain cemerlang dalam pelajaran, kita boleh membanggakan ibu bapa dengan menunjukkan sahsiah diri yang baik terhadap ahli keluarga. Kita juga boleh membanggakan ibu bapa dengan sentiasa membantu mereka melakukan kerja-kerja di rumah. Kita juga boleh membanggakan ibu bapa dengan menunjukkan tingkah laku yang baik di mana-mana kita berada.
2. Untuk berjaya dalam apa-apa jua yang diceburi, seseorang mestilah menanamkan sikap rajin dalam diri. Seterusnya, seseorang juga perlulah mempunyai sikap yakin akan diri sendiri bahawa mereka mampu melakukan perkara yang diingini. Akhir sekali, seseorang yang ingin berjaya hendaklah mempunyai sikap tidak mudah berputus asa dalam melakukan sebarang pekerjaan.

## UNIT 4 Kesihatan Tanggungjawab Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur
gagal mencapai sesuatu matlamat, berasa terancam terhadap sesuatu perkara, mempunyai pengalaman pahit, banyak tugasan pada satu-satu masa, dan sukar untuk membuat keputusan.; kita


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.